

## KENYATAAN MEDIA

# MAKMAL PELANGGARAN MIROS PC3 MENYAMBUT ULANG TAHUN KE-10

---

**MELAKA, 24 MEI 2022** – MIROS PC3, makmal pelanggaran pertama berskala penuh di Asia Tenggara menyambut ulang tahun ke-10 penubuhannya pada hari ini. Satu dekad yang lalu, Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) melalui program *New Car Assessment Program for Southeast Asian Countries* (ASEAN NCAP) telah membina makmal pelanggaran ini dengan menggunakan tenaga dan kepakaran MIROS sendiri tanpa melibatkan kos yang tinggi, dan ianya kini diiktiraf oleh pembuat kenderaan dan masyarakat secara amnya.

Perkara ini dibuktikan dengan perubahan taraf keselamatan kenderaan penumpang di rantau ASEAN dimana hampir 80% kenderaan penumpang yang dijual di pasaran telah mencapai penarafan 4 bintang dan 5 bintang. Sudah pasti MIROS PC3 memainkan peranan yang amat penting dalam menguji kenderaan-kenderaan ini melalui Program ASEAN NCAP.

Turut hadir bagi meraikan sambutan ulang tahun ke-10 MIROS PC3 adalah YB Menteri Pengangkutan, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong; Jawatankuasa Negeri Kerja Raya, Pengangkutan, Kemudahan Awam, Infrastruktur dan Pengurusan Banjir, Yang Berhormat Datuk Rahmad bin Mariman; Pengerusi Lembaga Pengarah MIROS, YBrs. Profesor Dr. Wong Shaw Voon; Ketua Pengarah MIROS, Yang Berbahagia Dato' Dr. Khairil Anwar Abu Kassim dan Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), YBhg. Dato' Zailani Haji Hashim.

Bersempena dengan sambutan ulang tahun ke-10 MIROS PC3 ini, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong telah mengumumkan bahawa Kementerian Pengangkutan Malaysia bersama MIROS akan melaksanakan satu kajian yang terperinci ke arah mewajibkan pemasangan mandatori sistem brek anti kunci atau *Anti-lock Braking System* (ABS) kepada semua motosikal model baharu yang berkapasiti enjin lebih daripada 150cc dan ke atas. Pelaksanaan kajian ini akan melibatkan semua pemegang taruh yang berkaitan, termasuk daripada pihak industri pembuat motosikal dan juga wakil pengguna. Kajian ini dijangka akan dimuktamadkan dalam tempoh enam (6) bulan, dengan jadual pelaksanaan untuk mewajibkan pemasangan ABS ini dijangka dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh tamat kajian ini. Tempoh masa yang



sama akan digunakan untuk meminda peraturan sedia ada bagi tujuan mewajibkan pemasangan ABS. “Dengan pemasangan mandatori ABS ini kelak, adalah diharapkan agar tahap keselamatan penggunaan kenderaan motosikal ini akan dapat ditingkatkan seterusnya mengurangkan kebarangkalian berlakunya kematian akibat nahas jalan raya melibatkan pengguna motosikal di Malaysia,” ujar beliau.

Antara sorotan utama sambutan ulang tahun ke-10 MIROS PC3 ini adalah ujian perlanggaran motosikal yang merupakan kerjasama antara MIROS PC3 dan Autoliv dalam membangunkan teknologi beg udara motosikal. Hasil ujian perlanggaran tersebut menunjukkan perkembangan yang positif dan potensi teknologi tersebut dalam membantu menyelamatkan penunggang motosikal. Namun begitu, teknologi beg udara motosikal masih lagi dalam fasa pembangunan dan perlu menjalani pelbagai siri ujian bagi mengukur potensi beg udara ini dalam menyelamatkan penunggang motosikal daripada kecederaan parah.

Selain itu, MIROS turut menandatangani Memorandum Kerjasama bersama CyberSecurity Malaysia sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan taraf keselamatan jalan raya dan penggunaannya melalui pendekatan sains forensik digital dlm siasatan kenderaan moden dan siasatan tempat kejadian kemalangan di Malaysia. Pertukaran dokumen ini telah disaksikan oleh YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong.

YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong turut melancarkan dua buah buku bersempena dengan sambutan ulang tahun ke-10 MIROS PC3 ini, iaitu Coffee Table Book – MIROS PC3 yang mendokumentasikan perjalanan dan pencapaian MIROS PC3 selama sedekad yang lalu, dan buku “Towards Five-Star Vehicles Driven by Five-Star Users on Five-Star Roads - MIROS Safety Rating Programmes in Malaysia” yang mengulas program-program penarafan keselamatan yang merupakan inisiatif di bawah MIROS dan MIROS PC3.

MIROS PC3 telah memainkan peranan cemerlang di dalam ekosistem keselamatan kenderaan sepanjang sepuluh tahun yang lalu dan saling bekerjasama dengan rakan-rakan industri khususnya dalam bidang automotif untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan (*Research and Development*) demi meningkatkan tahap keselamatan jalan raya dalam aspek keselamatan kenderaan.

## TAMAT

Dikeluarkan oleh:

Unit Korporat dan Pengurusan Ilmu  
Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)  
Lot 125-135, Jalan TKS 1, Taman Kajang Sentral, 43000 Kajang, Selangor  
T: 016 – 415 4707 | E: nuursakinah@miros.gov.my